

# Abdul Muiz tak sangka terbaik

**BATU PAHAT** - "Saya tidak menyangka akan dipilih sebagai pendebat terbaik," kata Abdul Muiz Mustafa, 22, yang dipilih juri untuk merangkul Pendebat Terbaik Pusingan Akhir, Pertandingan Debat Integriti Antara IPT 2013, baru-baru ini.

Dia yang juga pelajar tahun kedua, jurusan ekonomi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) mengakui rakan-rakan termasuk senior menjadi pendorong buatnya aktif dalam debat.

Menurutnya, selain itu minat yang mendalam dalam berdebat membuatkan dirinya cekal untuk terus aktif, walaupun pernah beberapa kali kecundang dalam pertandingan disertainya.

"Berdebat menjadikan pemikiran seseorang itu lebih tajam, kerana semasa sesuatu pertandingan dilakukan ia memerlukan kita menjawabnya secara spontan tetapi berasas," katanya kepada *Sinar Harian* selepas pertandingan berkenaan.

Pertandingan debat yang memasuki kali kesembilan itu diadakan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), yang dianjurkan bersama Institut Integriti Malaysia (IIM) dengan kerjasama Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (Madum) dan Kementerian Pengajian



**Abdul Muiz bersama hadiah yang dimenangkannya melalui Pendebat Terbaik dalam Pertandingan Debat Integriti Antara IPT 2013.**

Tinggi (KPT).

Abdul Muiz membawa pulang hadiah wang tunai RM 1,000 beserta piala iringan dan sijil penyertaan selain pasukannya dari UIAM turut menjadi johan pertandingan berkenaan.

Pertandingan debat ini melibatkan 26 IPT seluruh negara dengan menggunakan format perbahasan ala Parlimen Malaysia dengan tema 'Resmi Rakyat Menjunjung Integriti'.

Sementara itu, Naib Canselor UTHM, Profesor Datuk Dr Mohd

Noh Dalimin berkata, sebagai tuan rumah beliau sangat yakin siri pertandingan debat sebelum ini telah mencetuskan kefahaman yang mendalam tentang kepentingan pemilikan integriti dalam kalangan mahasiswa.

Menurutnya, ia juga dapat membuka minda mahasiswa berkaitan isu semasa dan isu berkaitan integriti, selain berharap dapat memberi kesedaran kepada masyarakat berkenaan integriti, dan pelaksanaannya akan bertambah baik.